



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

LAMAN WANITA (LaWa) PUSAT SETEMPAT TAWAR PPROGRAM DAN AKTIVITI PEMERKASAAN WANITA

KOTA BHARU, 19 FEB – YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan Program Laman Wanita (LaWa) Negeri Cik Siti Wan Kembang bersempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa tahun 2024. LaWa ialah pusat aktiviti setempat yang menawarkan pelbagai program dan aktiviti pemerksaan wanita melalui aspek peningkatan kemahiran asas.

Antara objektif inisiatif LaWa adalah meningkatkan kadar penyertaan wanita dalam ekonomi melalui penawaran program kemahiran bagi membantu wanita menjana pendapatan untuk diri sendiri dan juga untuk keluarga. Penglibatan dalam aktiviti ekonomi seperti ini juga sekiranya berkembang akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan seterusnya meningkatkan kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh. Hal ini adalah selaras dengan inspirasi Ekonomi Madani untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita kepada 60 peratus.

LaWa juga berperanan sebagai pusat setempat yang membolehkan wanita mewujudkan jaringan sosial dan pusat maklumat asas tentang pelbagai isu wanita. Menariknya, kesemua program dan aktiviti ini menyokong aspirasi pemerksaan wanita yang merangkumi aspek ekonomi, kesejahteraan, keselamatan serta kepimpinan yang diberikan perhatian khusus oleh Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Ke-12.

Selain itu, LaWA juga melaksanakan program dan aktiviti melalui kolaborasi strategik bersama-sama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja,

(KWSP), agensi-agensi Kerajaan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO). Kerjasama sebegini dapat meningkatkan keberkesanan dan memperluas kebolehcapaian perkhidmatan kepada wanita.

Secara keseluruhannya, pada masa ini, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) mempunyai 14 buah LaWa di tujuh buah negeri, iaitu Pulau Pinang, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kelantan dan Wilayah Persekutuan Labuan. Secara khususnya, di Kelantan terdapat dua buah LaWa, iaitu di Kota Bharu dan di Tanah Merah.

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 152 program dilaksanakan oleh PPWN Kelantan, termasuk program yang diadakan di LaWa dan program yang dianjurkan ini, sentiasa mendapat sambutan baik daripada komuniti dalam kalangan ibu tunggal dan suri rumah. Antara program yang telah dianjurkan ialah program kemahiran industri makanan seperti produk pastri, penghasilan biskut dan kuih tradisional yang pastinya membantu peserta menjana pendapatan. Terdapat juga program seni jahitan pakaian dan jahitan kreatif yang juga membantu peserta meraih pendapatan. KPWKM menyeru supaya wanita terus mengambil langkah proaktif dan memanfaatkan sepenuhnya LaWa dalam pelaksanaan pelbagai inisiatif pemerkasaan wanita.

Turut hadir dalam majlis ini ialah YBhg. Datuk Dr Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Hajah Rohani binti Ibrahim, EXCO Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan dan YBrs. Dr Wan Nur Ibtisam binti Wan Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
19 FEB 2024**